



SOAL JAWAB
PENJAGAAN KESIHATAN MULUT DARI
PERSPEKTIF ISLAM



Sekapur Sirih

dari
Yang Berhormat
Menteri Kesihatan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan rahmat serta keizinan-Nya jua, Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan telah berjaya menerbitkan sebuah buku yang julung-julung kali berunsurkan Islam bertajuk 'Soal Jawab Penjagaan Kesihatan Mulut Dari Perspektif Islam' dengan kerjasama yang erat dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

World Health Organization (WHO) Global Oral Health Programme menekankan bahawa kesihatan mulut adalah penting untuk kesihatan umum di mana ianya adalah faktor penentu terhadap status kualiti kehidupan. Strategi bagi

prevention of oral diseases is necessarily aligned with the principles of health promotion including using approaches to reduce or eliminate or reduce risk factors, increase education and public awareness about oral diseases. There is clear evidence that oral health status is influenced by factors such as diet, hygiene, smoking, stress and trauma. It cannot be denied that a large number of risk factors for oral diseases do not spread like cancer, heart and diabetes can also lead to oral diseases.

On the occasion of World Oral Health Day, the theme chosen for this year is 'Smile for Life' or 'Senyum Sepanjang Hayat'. This theme is intended to raise awareness of the importance of oral health care for a long life. Supporting this theme and in an effort to increase oral health status in this country, it is expected that the Department of Oral Health Services and related agencies, should further promote and publicize awareness of the general public, especially in the children's community, in taking steps to prevent and care for oral health for a long life. This is included in the implementation of activities to promote oral health and prevent dental damage to provide knowledge and awareness to the general public in line with the strategy in the oral health agenda for this country. With such an approach, it is a valuable addition to increase the quality of health, life and well-being of the community.

Bersempena dengan Hari Kesihatan Mulut Sedunia ini, Jabatan Perkhidmatan Pergigian telah menerbitkan buku 'Soal Jawab Penjagaan Kesihatan Mulut dari Perspektif Islam' yang berperanan untuk dijadikan sebagai panduan dan sumber rujukan yang mudah yang mana ianya, In Sya Allah, akan memberi pengetahuan tentang kesihatan mulut dari perspektif Islam. Semoga penerbitan buku ini akan dapat memberikan manfaat dan menambahkan ilmu pengetahuan, disamping dapat merungkai segala permasalahan dan persoalan mengenai dengan hukum syara' dalam penjagaan dan rawatan pergigian seharian, tidak terkecuali ketika berpuasa yang sering diajukan oleh para pesakit, khususnya yang beragama Islam, kepada para pakar, pegawai dan jururawat pergigian.

Islam amat menuntut umatnya untuk menjaga kebersihan tubuh badan termasuklah kebersihan mulut. Malah bersiwak, atau dari segi bahasa yang bermaksud memberus gigi, merupakan amalan yang sangat-sangat digalakkan sepertimana yang disebut di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah bahawa Nabi Muhammad *Shallahu 'Alaihi Wassalam* pernah bersabda:

لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتُهُمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ

Maksudnya:

“Jika tidak mendatangkan kesusahan ke atas umatku nescaya aku menyuruh mereka bersiwak pada setiap kali hendak solat”

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Pergigian kerana berjaya menerbitkan buku ini yang mana sudah setentunya akan menjadi sumber rujukan

yang penting kepada umat Islam khususnya dan kepada mana-mana jua pihak yang memerlukannya. Saya sukacita juga merakamkan penghargaan kepada pihak Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang telah menyumbangkan buah fikiran dan tenaga, terutama sekali dalam membantu meneliti dan menyemak buku yang penuh dengan keilmuan dan kemanfaatan ini.

Akhirnya, pada kesempatan ini, sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa serta pihak yang terlibat memberikan kerjasama, sumbangan tenaga yang berkebakikan dan komitmen dalam mengungkayahkan aktiviti-aktiviti sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia khususnya dalam menjayakan forum dan penerbitan buku 'Soal Jawab Penjagaan Kesihatan Mulut dari Perspektif Islam'. Semoga usaha dan sumbangan ikhlas yang diberikan akan mendapat keberkatan, rahmat, hidayah dan ganjaran pahala yang sebaik-baiknya dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* jua. Amin ya Rabbal 'Alamin.

وبالله التوفيق والهدية
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**PEHIN ORANG KAYA PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA AWANG HAJI YUSOF
Menteri Kesihatan**

9 Rejab 1436 Hijrah bersamaan dengan 28 April 2015 Masehi

Seulas Pinang



**Pengarah
Perkhidmatan
Pergigian**



**Pemangku Ketua
Pegawai Eksekutif**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan rahmat serta keizinan-Nya jua, Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan telah berjaya menerbitkan sebuah buku mengenai kesihatan mulut yang diberi judul 'Soal Jawab Penjagaan Kesihatan Mulut Dari Perspektif Islam' yang telah disemak oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Buku ini diterbitkan sempena Simposium Kesihatan Mulut Dari Perspektif Islam yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pergigian sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2015. Tema bagi Hari Kesihatan Mulut Sedunia yang diberikan oleh *FDI World Dental Federation* pada tahun ini ialah *'Smile for life'* atau *'Senyum Sepanjang Hayat'*. Tema ini adalah bersesuaian dengan isi kandungan buku yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran, kefahaman dan penjelasan hukum syara' mengenai pencegahan dan rawatan pergigian dari perspektif Islam bagi meningkatkan lagi kesihatan mulut di kalangan masyarakat di Negara ini.

In Sya Allah, Jabatan Perkhidmatan Pergigian berharap buku ini akan dapat menerapkan dan menghidupkan sunnah Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wassalam* mengenai kebersihan mulut dan pemberusan gigi kepada semua pembaca dan mencapai objektifnya.

Semoga penerbitan buku ini akan dapat memberikan manfaat memandangkan kesihatan mulut adalah di antara aspek kesihatan tubuh badan yang patut dijaga seumur hidup sesuai dengan misi Jabatan, iaitu "Meningkatkan kesihatan mulut melalui penjagaan kesihatan mulut yang berkesan, saksama, berpatutan, boleh diakses, selamat dan boleh bertahan di Negara Brunei Darussalam".

Akhirnya, pihak Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang telah menyumbangkan buah fikiran dan tenaga dalam sama-sama menjayakan penerbitan buku *'Soal Jawab Penjagaan Kesihatan Mulut Dari Perspektif Islam'*.

Di atas usaha gigih dan sumbangan dalam melaksanakan inisiatif yang sangat berkebajikan ini, sama-samalah kita berdoa semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* akan mengurniakan rahmat dan memberikan ganjaran pahala yang sebaik-baiknya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian.

وبالله التوفيق والهدية
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dr. Haji Shamshir bin Haji Zainal Abidin
Pengarah Perkhidmatan Pergigian

&

Dr. Sylviana binti Haji Moris
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

Jabatan Perkhidmatan Pergigian
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam

9 Rejab 1436 Hijrah bersamaan dengan 28 April 2015 Masehi

Kata Penerbit

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, Jabatan Perkhidmatan Pergigian telah berjaya menghasilkan buku 'Soal Jawab Penjagaan Kesihatan Mulut Dari Perspektif Islam' .

Tercetusnya ilham untuk menerbitkan buku ini adalah untuk menjawab permasalahan yang sering diajukan oleh para pesakit mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan kesihatan dan rawatan mulut dari perspektif Islam. Adakalanya permasalahan tersebut mudah untuk dijawab dan adakalanya ianya lebih rumit dan mengelirukan. Tidak dapat dinafikan, para pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan juga sering terlintas di fikiran mereka dengan beberapa soalan mengenai dengan permasalahan ini. Dalam usaha untuk meleraikan soalan-soalan tersebut, penerbit telah merujuk jawapan bagi setiap persoalan daripada pihak Jabatan Mufti Kerajaan yang sentiasa gigih membantu menyediakan pandangan yang berlandaskan ajaran agama Islam.

Buku ini terbahagi kepada tiga bab iaitu bab pertama yang menyentuh tentang penjagaan kesihatan mulut dari perspektif Islam, bab kedua mengenai rawatan pergigian dari perspektif Islam, dan bab yang terakhir adalah mengenai penjagaan dan rawatan mulut ketika berpuasa.

Sebagai penerbit, besarlah harapan kami semoga buku ini dapat memberi manfaat dan bimbingan kepada pembaca sekalian. Pihak penerbit juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam penerbitan buku ini khususnya kepada Jabatan Mufti Kerajaan. Semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* membalas jasa biskita dengan yang lebih baik.

Akhir kata, segala yang baik itu datang daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami. Oleh itu, pihak penerbit memohon maaf jika terdapat sebarang kesilapan dan ketidaksempurnaan dalam buku ini. Teguran membina amatlah dialukan untuk meningkatkan kualiti buku pada cetakan yang akan datang.

Sekian.

وبالله التوفيق والهدية
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli Jawatankuasa Penerbit
Jabatan Perkhidmatan Pergigian
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam

9 Rejab 1436 Hijrah bersamaan dengan 28 April 2015 Masehi

سؤال جواب فنجاگان كصیحتن مولوت دري
قرسقیكتیف اسلام

Soal Jawab Penjagaan Kesehatan Mulut
Dari Perspektif Islam

Bab I

ISI KANDUNGAN

Bab II

PENJAGAAN KESIHATAN MULUT
DARI PERSPEKTIF ISLAM

Bab III

PENJAGAAN DAN RAWATAN
MULUT KETIKA BERPUASA

Glosari

BAB I

PENJAGAAN KESIHATAN MULUT DARI PERSPEKTIF ISLAM

1.1	Pengenalan	1
1.2	Siwak/Memberus gigi	2
1.3	Permasalahan berkaitan dengan alat penjagaan kesihatan mulut	6

BAB II

RAWATAN PERGIGIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.1	Pengenalan	11
2.2	Permasalahan berkaitan dengan rawatan tampalan gigi	12
2.3	Permasalahan berkaitan dengan rawatan implan, gigi palsu, gigi emas, korona dan jambatan gigi	14
2.4	Permasalahan berkaitan dengan rawatan bercabut gigi	19
2.5	Permasalahan berkaitan dengan rawatan memutihkan gigi	21
2.6	Permasalahan berkaitan dengan rawatan ortodontik (pendakap gigi atau <i>braces</i>)	23
2.7	Permasalahan berkaitan dengan memasang perhiasan pada gigi, lidah dan bibir	29
2.8	Permasalahan berkaitan dengan bahan-bahan dan perkakas-perkakas rawatan	31

BAB III

PENJAGAAN DAN RAWATAN MULUT KETIKA BERPUASA

3.1	Pengenalan	35
3.2	Permasalahan berkaitan dengan penjagaan mulut ketika berpuasa	37
3.3	Permasalahan berkaitan dengan rawatan pergigian secara umum	40
3.4	Permasalahan berkaitan dengan rawatan tampalan gigi	42
3.5	Permasalahan berkaitan dengan rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi	44
3.6	Permasalahan berkaitan dengan rawatan ortodontik (pendakap gigi atau <i>braces</i>)	46
3.7	Permasalahan berkaitan dengan rawatan periodontik (rawatan gusi)	50
3.8	Permasalahan berkaitan dengan rawatan saluran akar gigi (<i>root canal treatment</i>)	53
3.9	Permasalahan berkaitan dengan rawatan pembedahan mulut (<i>oral surgery</i>)	55

GLOSARI	60
---------	----

SUMBER RUJUKAN	62
----------------	----

PENGHARGAAN	63
-------------	----

AHLI JAWATANKUASA PENERBIT	63
----------------------------	----




Promosi
Kesihatan
Mulut



**BAB
1**

**PENJAGAAN KESIHATAN
MULUT DARI PERSPEKTIF
ISLAM**



**Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi Muhammad
Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:**

***“Jika tidak mendatangkan kesusahan ke atas
umatku nescaya aku menyuruh mereka bersiwak
pada setiap kali hendak solat.”***

(Hadits riwayat Muslim)

BAB I

PENJAGAAN KESIHATAN MULUT DARI PERSPEKTIF ISLAM

1.1 Pendahuluan

Bersiwak atau memberus gigi itu (selepas ini disebut bersiwak) sudah lebih awal disyariatkan dalam Islam dan merupakan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh kerana itu, kita disunatkan untuk bersiwak. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sangat mengambil berat tentang bersiwak sehinggakan sejurus sebelum kewafatan baginda, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tetap tidak melupakannya, sebagaimana tersebut dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha berkata: “Telah masuk Abdul Rahman bin Abu Bakar dan bersamanya (kayu) siwak yang digunakan untuk menggosok gigi, maka Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam memandang siwak kepunyaan Abdul Rahman itu, maka aku (Aisyah) berkata kepada Abdul Rahman: “Berikan kepadaku siwakmu itu wahai Abdul Rahman.” Maka dia pun memberikannya kepadaku dan aku mengigit-igitnya dengan hujung gigi. Kemudian aku memberikannya kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, lalu Baginda menggosok giginya dengannya dalam keadaan Baginda menyandar di dadaku.”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Hadits ini memberi pengajaran bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sangat prihatin dengan bersiwak.

Bab I ini memuatkan soal jawab mengenai hukum-hakam bersiwak dalam Islam dan permasalahan berkaitan dengan alat penjagaan kesihatan mulut. Diharap ianya dapat memberi pencerahan kepada kemusykilan yang pernah diutarakan sebelum ini.

1.2 Siwak

Bersiwak menurut bahasa ialah memberus gigi atau bersugi. Menurut syara' ialah menggunakan sesuatu kayu atau yang seumpamanya pada gigi dan sekitarnya untuk menghilangkan bau mulut dan yang seumpamanya dengan niat.

1.2.1 Apakah hukum bersiwak?

Hukumnya adalah sunat (iaitu dikerjakan mendapat pahala, ditinggalkan tiada mendapat dosa).

1.2.2 Apakah dalil yang bersiwak ini merupakan perkara yang sangat dituntut dalam Islam?

- i. Hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda bersabda yang maksudnya:

"Jika tidak mendatangkan kesusahan ke atas orang-orang yang beriman –dalam hadits riwayat Zuhair: "ke atas umatku" – nescaya aku perintahkan mereka bersiwak setiap kali hendak solat".

(Hadits riwayat Muslim)

- ii. Orang yang melakukannya akan mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

1.2.3 Perlukah berniat sebelum bersiwak?

Amalan bersiwak ini merupakan ibadat dan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan bukan amalan kebiasaan semata-mata. Maka dengan itu adalah dituntut untuk berniat sebelum bersiwak, jika ianya tidak terkandung dalam melakukan ibadat yang lain. Jika tidak berniat tidaklah mendapat pahala. Akan tetapi jika ia terkandung dalam

melakukan ibadah yang lain seperti berwudhu tidaklah dikehendaki berniat, namun tetap akan beroleh pahala.

Adapun contoh niat bersiwak itu ialah:

نَوَيْتُ سُنَّةَ الْإِسْتِيَاكِ

“Sahaja aku berniat sunat bersiwak”

1.2.4 Bilakah waktu-waktu yang sangat dituntut untuk bersiwak dalam Islam?

- i. Ketika hendak menunaikan sembahyang, sama ada sembahyang fardhu atau sembahyang sunat.
- ii. Ketika hendak mengambil air sembahyang atau wudhu.
- iii. Ketika hendak membaca al-Qur'an.
- iv. Ketika baru bangun dari tidur.
- v. Ketika bau mulut atau warna gigi berubah disebabkan tidak makan dan minum, memakan benda yang berbau busuk, lama tidak bercakap dan lain-lain.

1.2.5 Apakah faedah dan kelebihan bersiwak?

Para ulama menegaskan bahawa bersiwak itu mempunyai 70 faedah. Antara faedah dan kelebihannya ialah:

- i. Membersihkan mulut.
- ii. Mengharumkan bau mulut.
- iii. Memutihkan gigi.
- iv. Menguatkan gigi dan gusi.
- v. Membetulkan atau meluruskan tulang belakang.
- vi. Membaiki perut.
- vii. Memudahkan hadam makanan.
- viii. Menghilangkan dahak.
- ix. Melambatkan tumbuh uban.
- x. Meningkatkan kecerdikan.
- xi. Mencerahkan penglihatan mata.
- xii. Menguatkan hafalan.

- xiii. Menyucikan hati.
- xiv. Menyerikan air muka.
- xv. Mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- xvi. Menggandakan pahala amal ibadat.
- xvii. Dimurahkan dan mudah mendapat rezeki.
- xviii. Menyukakan malaikat.
- xix. Diiringi malaikat apabila keluar untuk mengerjakan sembahyang.
- xx. Menghinakan syaitan kerana mengamalkan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*.
- xxi. Mengingatkan dan mudah menyebut dua kalimah syahadah ketika hampir ajal.

1.2.6 Tangan sebelah manakah yang afdhal (utama) digunakan untuk bersiwak?

Islam telah menggariskan panduannya iaitu sunat bersiwak dengan tangan kanan.

'Aisyah *Radhiallahu 'anha* menceritakan “Adalah tangan kanan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* baginda gunakan untuk bersuci dan makan. Adapun tangan kirinya baginda gunakan untuk membasuh kencing dan berak dan urusan yang kotor atau jijik”.

(*Hadits riwayat Abu Daud*)


1.2.7 Bahagian mulut manakah yang afdhal (utama) didahulukan semasa bersiwak?

Adapun cara bersiwak, adalah sunat dimulakan dengan memberus gigi bahagian atas di sebelah kanan mulut hingga yang tengah sama ada di bahagian luar atau dalam gigi. Kemudian barulah memberus gigi bahagian bawah di sebelah kanan diikuti dengan memberus gigi yang sebelah kiri sama seperti cara memberus yang di sebelah kanan.

Hikmah mendahulukan yang sebelah kanan ialah kerana kemuliaan sebelah kanan itu. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri suka mendahulukan yang kanan dalam banyak perkara, kecuali pada perkara-perkara tertentu. Ini jelas sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

"Daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha dia berkata: "Adalah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam suka mendahulukan yang kanan dalam segala keadaan (perbuatan), (seperti) memakai kasut, menyikat rambut dan bersuci (berwudhu' dan mandi)."

(Hadits riwayat Muslim)



Berus di bahagian luar



Berus di bahagian dalam



Berus di bahagian gigitan



Berus di bahagian luar di gigi bawah

1.2.8 Apakah kesan mulut berbau dari pandangan Islam?

Orang yang mempunyai nafas berbau sering menghadapi banyak masalah dalam pergaulan seharian mereka. Selama perbualan berlangsung biasanya orang yang berkomunikasi bersamanya akan berusaha untuk menjarakkan diri atau cuba seboleh mungkin menahan nafas mereka. Bagi yang sering mendapat masalah bau mulut tentunya mereka akan berasa malu.

Masalah bau mulut juga boleh mengganggu orang lain semasa mendirikan solat berjemaah. Kekhusyukan dan perhatian mereka tentu akan terganggu. Justeru itu, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* amat menitikberatkan hal kebersihan ini bukan sahaja pada tubuh badan, pakaian dan tempat solat bahkan juga pada bau mulut orang yang bersolat itu sendiri.

1.3 Permasalahan berkaitan dengan alat penjagaan kesihatan mulut

1.3.1 Apakah hukum menggunakan berus gigi yang diperbuat daripada bulu babi?

Berus gigi yang diperbuat daripada bulu babi tidak boleh digunakan, kerana bulu babi adalah najis.

1.3.2 Apakah hukum menggunakan ubat gigi yang mengandungi bahan yang tidak halal?

Haram hukumnya.

1.3.3 Bersiwak merupakan sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, bagaimana pula kedudukannya dengan menggunakan tali atau benang flos yang digunakan untuk celah-celah gigi?

Disunatkan untuk menghilangkan sisa makanan yang tertinggal di celah-celah gigi dengan tusuk atau pengorek gigi sebelum atau selepas bersiwak.

Tersebut di dalam sebuah hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh ad-Dailami yang bermaksud:

“Allah Subhanahu wa Ta’ala memberi rahmat kepada orang-orang yang yang mencungkil sisa-sisa makanan (dicelah-celah gigi) dan mencelah-celahi sewaktu bersuci (wudhu’ dan mandi).”

(Hadits riwayat ad-Dailami)

1.3.4 Apakah hukum berkumur-kumur dengan ubat kumur-kumur yang mengandungi alkohol?


Harus dan boleh mencuci mulut dan gigi dengan ubat kumur-kumur yang bercampur dengan alkohol. Lepas itu disucikan mulut dengan air.





**BAB
2**

**RAWATAN PERGIGIAN
DARI PERSPEKTIF ISLAM**



Diriwayatkan bahawa sahabat 'Arfajah bin Sa'ad telah terpotong hidungnya dalam peperangan Kulab semasa zaman Jahiliyah. Beliau telah membuat hidung ganti bagi hidungnya yang terpotong itu dari perak dan ianya berbau busuk.

Maka Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah menyuruh beliau membuat hidung ganti dari emas.

(Hadits riwayat Abu Daud dan at-Tirmidzi)

BAB II

RAWATAN PERGIGIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.1 Pendahuluan

Ilmu rawatan pergigian bukanlah perkara yang baru dalam masyarakat Islam. Seawal abad ke-10, sudah terdapat tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang mengkaji punca kerosakan gigi dan rawatannya. Tokoh-tokoh tersebut telah menjadi perintis bagi bidang pergigian. Antara tokoh ilmuwan Islam yang terawal merawat kerosakan gigi ialah Abu Gaafar Amed ibn Ibrahim ibn abi Halid al-Gazzar. Beliau telah menulis buku bertajuk 'Kitab Zad al-Musafir wa qut al-Hadir'. Dalam buku tersebut, beliau menyatakan bahawa bahagian gigi yang rosak itu perlu dibersihkan dahulu sebelum diisi dengan kacang hempedu, *dyer's*, *buckthorn*, *terbinth resine*, *cedar resine*, *myrrh*, *pellitory*, madu atau diasapkan dengan akar *colocynthis*. Beliau percaya bahawa kerosakan gigi disebabkan oleh ulat gigi. Selain al-Gazzar, Abu Ali al-Husain ibn Abdullah Ibn Sina juga adalah antara tokoh penting di dalam bidang pergigian. Beliau yang lebih dikenali di Barat sebagai Avicenna adalah perintis ilmu perubatan moden. Beliau telah menulis lima jilid buku Kanun Perubatan dan telah mengkhususkan banyak bab mengenai rawatan pergigian terutamanya pemulihan gigi.

Bidang ilmu pergigian tidak terhenti setakat itu sahaja. Pelbagai usaha dan kajian telah dilakukan untuk mengetahui punca sebenar kerosakan gigi dan cara terbaik untuk merawatnya. Pada zaman serba canggih dan moden ini, ilmu pergigian juga telah berkembang sehingga terdapatnya pelbagai cabang pergigian seperti periodontik, prostodontik, endodontik, pembedahan mulut, pergigian pediatrik dan sebagainya.

Bab II ini memuatkan soal jawab mengenai hukum-hakam dalam Islam yang bersangkutan paut dengan rawatan pergigian. Ianya In Sya Allah dapat memberi penjelasan kepada kemusykilan yang pernah diajukan sebelum ini.

2.2 Permasalahan berkaitan dengan rawatan tampalan gigi

Gigi yang berlubang dirawat dengan membersihkan dan membuang sisa-sisa kerosakan dari dalam gigi tersebut, dan diikuti dengan tampalan yang diperbuat daripada campuran logam (campuran merkuri, perak, timah, tembaga dan logam lain) ataupun simen yang berwarna seperti gigi asal. Selain dari mengganti tisu gigi yang telah rosak, tampalan gigi juga berfungsi untuk menghalang proses kerosakan gigi itu dari terus merebak sehingga boleh menyebabkan kesakitan atau jangkitan yang lebih teruk.

2.2.1 Apakah hukum menampal gigi yang berlubang?

Bertampal gigi yang berlubang dan buruk itu harus pada syara' (boleh dilakukan) dengan menggunakan emas, perak atau logam lain.

Menurut sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam at-Tirmidzi, bahawa sahabat 'Arfajah bin Sa'ad telah terpotong hidungnya dalam peperangan Kulab semasa zaman Jahiliyah. Beliau telah membuat hidung ganti bagi hidungnya yang terpotong itu dari perak dan ianya berbau busuk. Maka Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah menyuruh beliau membuat hidung ganti dari emas.

(Hadits riwayat Abu Daud dan at-Tirmidzi)

2.2.2 Adakah tampalan gigi mesti dikeluarkan atau dibuang sebelum menyempurnakan jenazah?

Tampalan gigi hanya boleh ditanggalkan dengan menggunakan alat gerudi gigi (*dental drill*) atau pengikis atau pencungkil yang khas. Ianya tidak mudah tertanggal tanpa menggunakan peralatan khas, melainkan ianya pecah dengan sendirinya.

Tidak harus mencabut tampalan gigi daripada orang mati, kerana ianya menyakiti jenazah dan mencabul kehormatan jenazah itu. Menyakiti jenazah adalah berdosa dan haram.


2.2.3 Ada jenis tampalan kompleks atau besar yang menggunakan “pin” besi. Adakah ia dibolehkan bagi orang Islam?

Tampalan jenis *amalgam* tidak melekat pada struktur gigi. Ianya memerlukan sokongan dari struktur gigi untuk tidak tertanggal. Sekiranya lubang pada gigi bersaiz besar, pin khusus yang diperbuat daripada besi tahan karat di gerudi (*drill*) pada struktur gigi (di dalam lubang gigi) untuk memberi sokongan tambahan supaya tampalan tidak mudah tertanggal dan akan bertahan lebih lama.

Harus mengganti gigi yang telah rosak dengan tampalan kompleks atau besar yang menggunakan “pin” besi. Ia tidak termasuk mengubah ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana pada asalnya gigi tersebut wujud tetapi kemudian rosak, dan jika tidak dicabut atau dirawat, ianya boleh memudharatkan. Tambahan pula proses itu perlu, memandangkan gigi sentiasa digunakan.

2.3 Permasalahan berkaitan dengan rawatan implan, gigi palsu, gigi emas, korona dan jambatan gigi

Implan gigi (gigi bertanam atau gigi berskru) ialah sejenis gantian gigi yang telah dicabut atau yang sememangnya tidak pernah tumbuh. Implan gigi diperbuat daripada logam titanium dan prosedur pemasangannya memerlukan pembedahan kecil yang mana implan tersebut ditanam pada tulang rahang dengan menggunakan gerudi (*drill*) khas. Logam titanium mempunyai kelebihan yang mana ianya boleh berintegrasi atau sehati dengan tulang secara semulajadi.



Korona gigi ialah sejenis gigi buatan yang dipasang atau dilekatkan pada gigi asal dengan menggunakan simen. Antara fungsi korona gigi adalah untuk menyarung gigi yang telah rosak dan melindunginya dari kerosakan lanjut.



Sebelum



Selepas

Jambatan gigi ialah sejenis gigi buatan yang dipasang pada lebih dari sebelah gigi (2-3 bilah) dengan tujuan untuk menggantikan gigi yang telah dicabut atau sememangnya tiada. Jambatan gigi dipasang atau dilekatkan pada gigi dengan menggunakan simen. Korona dan jambatan gigi biasanya diperbuat daripada rangka dalaman besi yang disalut dengan porselin atau seramik yang menyerupai warna gigi asal. Oleh sebab kedua-dua jenis gigi buatan ini disimen pada gigi asal, kedua-duanya tidak dapat dicabut dengan mudah tanpa menggunakan alat gerudi (*drill*) khas.



Sebelum



Selepas

Gigi palsu ialah gigi buatan yang diperbuat dari sejenis plastik iaitu akrilik yang kadang-kadangnya menggunakan rangka atau dawai atau penyangkut besi. Gigi palsu boleh ditanggalkan dengan mudah tanpa menggunakan sebarang peralatan yang khas, kerana ianya direka untuk memudahkan pengguna untuk membersihkannya, terutamanya selepas makan.



Sebelum



Selepas

2.3.1 Bolehkah kita berimplan (gigi bertanam atau gigi berskru)? Adakah ianya diharuskan dalam Islam?

Harus mengganti gigi yang telah rosak dengan gigi buatan seperti implan (gigi bertanam atau gigi berskru). Ia tidak termasuk mengubah ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana pada asalnya gigi tersebut wujud tetapi kemudian rosak, dan jika tidak dicabut atau dirawat, ianya boleh memudharatkan. Tambahan pula proses itu perlu, memandangkan gigi sentiasa digunakan.

2.3.2 Apakah hukum memasang gigi palsu, korona atau jambatan gigi untuk mengganti gigi yang sudah dicabut?

Harus mengganti gigi yang telah rosak dengan gigi buatan dalam bentuk korona gigi, jambatan gigi ataupun gigi palsu.

2.3.3 Apabila seseorang itu meninggal dunia, perlukah implan, korona gigi atau jambatan gigi itu dicabut sebelum jenazah dikebumikan?

Logam titanium mempunyai kelebihan yang mana ianya boleh berintegrasi dan menjadi sebati dengan tulang secara semulajadi. Oleh sebab itu, implan atau gigi bertanam sukar untuk dicabut. Begitu juga dengan jenis gigi buatan seperti korona dan jambatan gigi yang lazimnya dipasang pada gigi asal dengan menggunakan simen, supaya tidak mudah tercabut.

Dibiarkan sahaja gigi buatan atau gigi yang bertanam itu, kerana mencabutnya akan mencabul kehormatan jenazah itu. Gigi yang ditanam itu tidak perlu dibuka apabila meninggal dunia.

2.3.4 Apabila seseorang yang memakai gigi palsu (yang mudah ditanggalkan) meninggal dunia, wajibkah gigi palsunya dibuka atau dibiarkan sahaja sebelum jenazahnya dikebumikan?

Tidak wajib tetapi harus ditanggalkan gigi palsu apabila ia mudah ditanggalkan dan tidak memudaratkan jenazah. Akan tetapi, jika menanggalkannya itu boleh menyakiti jenazah dan mencabuli kemuliaannya maka tidak harus bahkan haram menanggalkannya kecuali jika ia dimiliki oleh orang lain dan dituntut oleh pemiliknya.

2.3.5 Apakah hukum mengubah bentuk gigi asal, misalnya dengan menggunakan korona gigi, supaya lebih rata?

Mengubah bentuk gigi asal dengan alasan kecantikan semata-mata adalah haram. Tetapi jika mengubahnya dengan alasan perubatan atau menutup aib maka hukumnya adalah harus.

2.3.6 Bolehkah seseorang lelaki memakai gigi emas? Bagaimana pula dengan gigi palsu dan korona atau jambatan gigi yang diperbuat daripada campuran logam yang mengandungi emas?



Hukum penggunaan emas pada gigi tertakluk kepada tujuan ia digunakan:

- i. Penggunaan emas sebagai merawat gigi yang rosak; sama ada mengikat gigi dengan pendakap emas untuk

mengukuhkannya, menanam gigi emas ke dalam gusi sebagai ganti gigi yang hilang dan lain-lain perawatan gigi yang memerlukan penggunaan emas, hukumnya adalah harus dengan ber*qiyas* kepada keharusan menggunakan hidung daripada emas sebagai ganti hidung yang terpotong. Dalam perkara ini, jika lelaki diharuskan menggunakan emas bagi rawatan pergigian, maka hukumnya adalah lebih utama diharuskan bagi perempuan.

- ii. Penggunaan emas pada gigi bukan untuk tujuan merawat gigi yang rosak tetapi bagi tujuan semata-mata berhias atau bermegah-megah, seperti menyarungkan aksesori gigi yang diperbuat daripada emas atau lain-lain perawatan gigi yang menggunakan emas agar nampak cantik, hukumnya bukan sahaja haram ke atas lelaki, tetapi juga perempuan, sebagaimana diharamkan mengganti sebatang jari dengan emas kerana tujuan berhias dan sebagaimana diharamkan menyelitkan gigi dengan emas kerana terdapat unsur pembaziran dan kesombongan.

2.3.7 Apakah hukum mengubah gigi untuk penampilan?

Mengubah bentuk gigi untuk penampilan (kecantikan) semata-mata adalah haram. Tetapi jika mengubahnya dengan alasan perubatan atau menutup aib maka hukumnya adalah harus.

2.3.8 Bolehkah gigi yang lebar atau panjang dihauskan menggunakan gerudi (drill) untuk mengubah bentuknya bagi tujuan kecantikan?

Mengubah bentuk gigi untuk tujuan kecantikan semata-mata adalah haram. Tetapi jika mengubahnya dengan alasan perubatan atau menutup aib maka hukumnya adalah harus.

2.4 Permasalahan berkaitan dengan rawatan bercabut gigi

Menjaga gigi dengan baik dan betul adalah penting untuk mengelakkan kerosakan gigi dan penyakit gusi. Kerosakan gigi ataupun penyakit gusi yang teruk boleh menyebabkan gigi menjadi sakit. Jangkitan kuman juga boleh berlaku dan melarat menyebabkan gusi bernanah dan bengkak. Rawatan yang selalunya disyorkan ialah bercabut gigi.

Sebelum memberikan rawatan, doktor pergigian selalunya akan memeriksa keadaan gigi pesakit. Jenis rawatan yang akan diberikan tertakluk kepada jenis penyakit yang dialami dan saiz kerosakan gigi tersebut. Gigi hanya akan dicabut sekiranya kerosakan gigi tidak dapat diselamatkan lagi ataupun disebabkan mengalami penyakit gusi yang teruk.

2.4.1 Apakah hukum mencabut gigi yang telah rosak?

Harus dicabut gigi yang sakit dan rosak, sekiranya gigi yang sakit itu memberi mudarat kepadanya, dengan nasihat seorang doktor yang adil (bukan fasiq).

2.4.2 Adakah boleh mencabut gigi dengan tujuan untuk memakai gigi palsu agar nampak lebih cantik?

Mencabut gigi dengan tujuan untuk memakai gigi palsu agar nampak lebih cantik semata-mata adalah haram. Tetapi jika mencabutnya dengan alasan perubatan atau menutup aib maka hukumnya adalah harus.

2.4.3 Bolehkah sengaja mencabut gigi untuk mengelakkan atau membisaikan lagi susunan gigi palsu? Contohnya apabila gigi hadapan hanya tinggal sebelah dan dengan mencabutnya, gigi palsu akan kelihatan lebih elok susunannya.

Mencabut gigi dengan tujuan untuk memakai gigi palsu agar nampak lebih cantik semata-mata adalah haram. Tetapi jika mencabutnya dengan alasan perubatan atau menutup aib maka hukumnya adalah harus.

2.4.4 Apakah yang perlu dilakukan pada gigi yang telah dicabut? Adakah gigi tersebut wajib ditanam?

Gigi yang telah dicabut sunat ditanam.

2.4.5 Bagi wanita yang sedang kedatangan darah haid atau nifas:

a. adakah dibolehkan untuk bercabut gigi yang sakit?

Wanita yang sedang kedatangan darah haid atau nifas harus bercabut gigi jika ia menyakiti atau mendatangkan kemudaratan ke atasnya.

b. bagaimana pula dengan bercabut gigi bukan kerana sakit tetapi bagi rawatan ortodontik?

Sunat tidak bercabut gigi bagi rawatan ortodontik semasa junub, haid dan nifas.

c. adakah gigi yang dicabut itu perlu dibawa dan dibersihkan ketika mandi wajib?

Tidak perlu dibawa dan dibersihkan gigi yang dicabut itu ketika mandi wajib.

2.5 Permasalahan berkaitan dengan rawatan memutihkan gigi

Menjaga kebersihan gigi amat penting untuk mengelakkan dari kerosakan gigi dan penyakit gusi. Membersih gigi juga boleh menghilangkan bau mulut dan gigi yang bersih akan kelihatan lebih sihat dan menawan. Walaubagaimanapun, warna gigi boleh bertukar menjadi kuning walaupun diberus setiap hari. Pertukaran warna ini boleh berlaku disebabkan oleh makanan atau minuman yang mengandungi warna seperti teh, kopi, kari, kicap dan sebagainya. Warna gigi juga akan beransur menguning semakin bertambahnya usia. Ini disebabkan oleh perubahan pada struktur gigi, iaitu dentin gigi yang lebih kuning menjadi lebih tebal dan enamel gigi menipis.

Terdapat rawatan yang dipanggil *bleaching* atau *whitening* yang boleh digunakan untuk memutihkan gigi yang telah bertukar kuning. Rawatan ini boleh menghilangkan atau mengurangkan warna dari makanan atau minuman yang melekat pada gigi dan mengembalikan gigi ke warna asal.



Sebelum



Selepas

2.5.1 *Gigi yang telah mati uratnyanya atau yang telah menjalani rawatan saluran kanal akar (root canal treatment) boleh berubah warna menjadi kelabu atau hitam. Apakah hukum memutihkan gigi (non-vital bleaching) tersebut supaya kelihatan seperti warna asalnya?*

Rawatan saluran kanal akar ialah sejenis rawatan pergigian bagi gigi yang rosaknya sehingga ke pulpa yang mengandungi urat gigi ataupun bagi gigi yang uratnyanya telah mati atau dijangkiti kuman. Warna gigi yang telah mati uratnyanya atau dimatikan uratnyanya boleh beransur bertukar menjadi kelabu atau kehitaman. Terdapat rawatan yang boleh dilakukan untuk mengembalikan gigi ke warna asal seperti dengan menggunakan peluntur khas untuk memutihkan kembali warna gigi.

Menjalani rawatan memutihkan gigi (*non-vital bleaching*) adalah harus kerana membersihkan gigi dituntut oleh Islam.

2.5.2 *Apakah hukum memutihkan kesemua gigi (bleaching) yang telah bertukar kuning disebabkan faktor usia atau permakanan?*

Menjalani rawatan memutihkan gigi (*bleaching*) yang telah bertukar kuning disebabkan faktor usia atau permakanan adalah harus kerana membersihkan gigi dituntut oleh Islam.

2.5.3 *Apakah hukum memutihkan gigi yang sememangnya sudah bersih dan putih dengan tujuan untuk kelihatan lebih cantik?*

Harus memutihkan gigi yang sememangnya sudah bersih dan putih.

2.6 Permasalahan berkaitan dengan rawatan ortodontik (pendakap gigi atau *bracers*)

Braces ialah pendakap atau pengikat gigi yang digunakan dalam rawatan ortodontik untuk membetulkan ketidakaturan susunan gigi. Hasil rawatan ortodontik adalah gigi yang lebih teratur dan nampak rata. Rawatan ortodontik juga mempunyai manfaat lain termasuk untuk (1) membetulkan gigitan, (2) memperbaiki pengunyahan makanan, (3) mengurangkan risiko kecederaan terutama pada gigi kacip, (4) gigi lebih senang untuk dibersihkan dan (5) mengurangkan risiko penyakit gusi dan kerosakan gigi.



2.6.1 *Sesetengah orang mempunyai gigi yang bersilu kerana ketidakcukupan ruang gigi. Untuk meratakan gigi, beberapa bilah gigi yang elok terpaksa dicabut untuk memberi ruang meratakan gigi-gigi yang lain dengan menggunakan pendakap gigi (*braces*). Adakah ini diharuskan dalam Islam?*

Pada lazimnya, sebab atau '*illat*' meratakan gigi dengan menggunakan *braces* adalah kerana kedudukan gigi cacat atau ada tujuan perubatan lain. Tidak dinafikan dalam perataan ini ada unsur kecantikan, tetapi barisan kedudukan gigi yang lebih rata, diandaikan lebih bermanfaat kepada pemilik berbanding sebelum diratakan. Proses perataan kedudukan barisan gigi memerlukan alat yang disebut *braces*. Berdasarkan huraian ini adalah harus menggunakan *braces*.

2.6.2 Rawatan ortodontik kadang-kadang memerlukan celah gigi untuk diasah. Gigi yang diasah akan sementara menjadi jarang dan ruang kecil antara gigi tersebut akan digunakan untuk membetulkan kedudukan gigi yang terlalu rapat menggunakan braces. Gigi akan merapat semula apabila gigi yang kedudukannya sempit menggunakan ruang yang terhasil dari asahan tersebut dengan pemakaian braces. Adakah rawatan seperti ini diharamkan berdasarkan hadits yang disebut di bawah:

Maksudnya: “Allah Subhanahu wa Ta’ala melaknat perempuan yang menyambung rambut dan perempuan yang minta disambung rambut, perempuan yang bertatu dan yang minta ditatu, perempuan yang mengikir gigi dan yang minta dikikir giginya dan perempuan yang mencabut bulu muka dan kening”.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Mengikir atau mengasah gigi supaya lebih pendek atau rata untuk tujuan memperindahkan diri adalah haram dan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* melaknat orang yang mengikir gigi dan yang meminta giginya dikikirkan. Mengikir gigi bagi tujuan menjarangkannya supaya kelihatan lebih muda juga adalah haram. Menjarangkan gigi di sini bermaksud membuat celah-celah kecil di antara gigi hadapan supaya kelihatan seperti gigi kanak-kanak kecil yang jarang secara semulajadi. Tujuan menjarangkan gigi di sini adalah untuk kelihatan belum tua. Oleh kerana wujudnya unsur niat untuk berhias menerusi pengubahan ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebutkan sebab atau ‘*illat* seperti ini adalah diharamkan.

Akan tetapi, jika ianya dilakukan untuk keperluan perubatan atau membuang aib atau kecacatan, ianya adalah diharuskan (Syarah Shahih Muslim: 7/361). Berbalik kepada soalan di atas, bagi kes rawatan ortodontik yang memerlukan antara gigi diasah untuk mendapatkan ruang bagi meratakan kedudukan gigi yang bersilu atau tidak rata, ianya adalah diharuskan. Ini kerana sebab atau ‘*illat* mengasah gigi adalah

untuk menggunakan ruang yang terhasil untuk membetulkan kedudukan gigi yang cacat.

2.6.3 Segelinitir orang mempunyai gigi jarang (*midline diastema*) di antara gigi kacip hadapan (*central incisor*)

Midline diastema atau gigi hadapan jarang di bahagian tengah (seperti dalam gambar) boleh berlaku disebabkan oleh ukuran gigi kecil dari normal, perlekatan frenum yang tidak normal (*abnormal frenum attachment*), ketiadaan gigi kacip lateral dan kehadiran gigi berlebihan (*supernumerary*). *Midline diastema* ada berlaku, walaupun jarang, di kalangan orang kitani. Disebabkan itu, ianya boleh menyebabkan pesakit yang mempunyai *midline diastema* berasa malu dan kurang berkeyakinan diri. Bergantung kepada keadaan dan kedudukan gigi pesakit, terdapat beberapa jenis rawatan pergigian untuk menutup ruang antara gigi seperti dengan menggunakan tampalan atau korona gigi untuk menambah lebar saiz gigi atau dengan rawatan ortodontik.



a. Adakah dibolehkan untuk menutup ruang antara gigi dengan tampalan, braces atau korona gigi?

Menjalani rawatan untuk menutup ruang antara gigi adalah harus jika *midline diastema* tersebut menimbulkan perasaan malu dan kurang keyakinan diri.

b. Adakah ini dikira sebagai mengubah ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala?

Ya, ini dikira sebagai mengubah ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, walaubagaimanapun perubahan ini dengan alasan yang dibenarkan oleh syara'.

2.6.4 Bagaimana pula hukum merapatkan gigi-gigi yang jarang dengan menggunakan braces bagi mereka yang bergigi jarang?

Terdapat orang yang bergigi jarang disebabkan oleh (1) saiz gigi yang kecil berbanding saiz rahang, (2) gigi yang bercabut, (3) gigi yang tidak terbentuk secara semulajadi atau (4) penyakit gusi. Orang yang bergigi jarang mungkin berasa malu dan rendah diri kerana keadaan gigi mereka. Bergantung kepada penyebabnya, salah satu rawatan pergigian bagi gigi jarang adalah dengan menggunakan *braces*.

Menggunakan *braces* bagi mereka yang bergigi jarang disebabkan tujuan perubatan atau terdapat cacat pada gigi atau seumpamanya adalah harus. Akan tetapi jika menggunakan *braces* tersebut kerana tujuan kecantikan semata-mata adalah haram.

2.6.5a. Ada pula orang yang sudah mempunyai gigi yang kelihatan elok atau hampir rata (dan boleh dikategorikan sebagai kes ortodontik ringan) tetapi masih juga ingin menggunakan braces untuk kelihatan lebih cantik. Apakah hukum memasang braces pada pesakit seperti ini?

Pesakit ortodontik yang dikategorikan sebagai IOTN 1 dan IOTN 2 iaitu yang tidak memerlukan atau sedikit sahaja keperluan rawatan ortodontik boleh dikategorikan sebagai kes ortodontik ringan. Bagi kes sebegini, rawatan ortodontik

tidak akan memberi banyak perubahan kepada kedudukan gigi pesakit. Risiko rawatan ortodontik juga mungkin lebih tinggi berbanding dengan manfaat yang akan diperolehi.

Menggunakan *braces* untuk kelihatan lebih cantik semata-mata adalah haram. Akan tetapi jika menggunakan *braces* bagi tujuan perubatan atau terdapat cacat pada gigi atau seumpamanya adalah harus.

b. Bagaimana pula dengan doktor pergigian yang memasang braces tersebut, adakah mereka juga turut berdosa kerana bersubahat?

Doktor pergigian yang memasang *braces* tersebut juga turut berdosa kerana bersubahat dalam perkara yang ditegah oleh syara'.

2.6.6 Apakah hukum memakai applians boleh tanggal (removable orthodontic appliances)?

Applians boleh tanggal (*removable orthodontic appliances*, seperti dalam gambar) adalah alat ortodontik yang tidak melekat pada gigi secara terus dan boleh ditanggalkan bagi tujuan pembersihan. Ianya adalah salah satu rawatan ortodontik untuk kes-kes terpilih. Ianya digunakan (1) untuk membetulkan masalah gigitan, (2) sebagai penyelenggara ruang (*space maintainer*) dan (3) kadang-kadang digunakan bersama-sama dengan *braces*. Tujuan menggunakan alat ini selalunya berkaitan dengan perubatan iaitu untuk



memperbaiki atau mengelakkan kecacatan kedudukan gigi pada rahang.

Adalah harus menggunakan *removable orthodontic appliance* untuk tujuan perubatan.

2.6.7 Apakah hukum memakai pendakap gigi tiruan (*fake braces*)?

Pemakaian *braces* atau pendakap gigi kini menjadi trend anak muda kerana pilihan getahnya yang berwarna-warni. Tujuan memakainya juga bukan untuk meratakan gigi tetapi lebih kepada fesyen ataupun simbol status. Penjualan *braces* tiruan secara talian (*online*) juga semakin berleluasa dan memudahkan pengguna untuk mendapatkannya. Ianya dijual jauh lebih murah dari yang asli dan ini menyebabkan ramai yang mampu untuk memilikinya. *Braces* tiruan (seperti dalam gambar) dijadikan sebagai aksesori penghias gigi dan bukan untuk merawat kecacatan gigi. *Braces* tiruan ini dipasang sendiri atau oleh orang lain yang bukan berkelayakan.

Penggunaan *braces* tiruan boleh memudaratkan pengguna. *Braces* asli diperbuat dari bahan yang berkualiti dan selamat digunakan di dalam mulut manakala *braces* tiruan tidak diketahui asal usulnya dan mungkin mengandungi bahan yang membahayakan kesihatan. Selain itu, pemasangan *braces* bukan oleh pakar pergigian boleh menyebabkan pelbagai masalah pergigian seperti kerosakan gigi, penyakit



gusi, kedudukan akar gigi terkeluar dari rahang dan sebagainya.

Memakai pendakap gigi tiruan (*fake braces*) bagi kelihatan lebih cantik semata-mata dan lebih-lebih lagi jika ia boleh memudaratkan adalah haram.

2.6.8 Apakah pendakap gigi (*braces*) mesti dibuka sebelum menyempurnakan jenazah?

Harus ditanggalkan pendakap gigi apabila ia mudah ditanggalkan dan tidak menyakiti dan memudaratkan jenazah. Akan tetapi jika menanggalkannya itu boleh menyakiti jenazah dan mencabuli kemuliaannya maka tidak harus bahkan haram menanggalkannya kecuali jika ia dimiliki oleh orang lain dan dituntut oleh pemiliknya.

2.7 Permasalahan berkaitan dengan memasang perhiasan pada gigi, lidah dan bibir

Manusia fitrahnya suka kepada benda-benda yang cantik dan mencantikkan diri. Salah satu trend atau ikutan masakini yang boleh mencantikkan senyuman adalah dengan memasang batu permata kecil seperti berlian pada gigi. Tujuan memasangnya adalah semata-mata untuk menghias gigi agar kelihatan lebih cantik. Memasang batu permata pada gigi juga boleh memudaratkan pengguna kerana batu permata tersebut boleh menjadi tempat sisa makanan terkumpul dan plak gigi terjadi. Jika kebersihan gigi tidak dijaga dengan betul, kerosakan gigi boleh terjadi.

Pemakaian anting-anting pada lidah atau bibir bukanlah adat resam orang kitani di negara ini. Dari sudut perubatan, bertindik pada bibir atau lidah mempunyai kesan tidak baik kepada pengguna. Jangkitan penyakit seperti Hepatitis B boleh berlaku sekiranya alat menindik tidak disterilkan secara betul sebelum digunakan. Jangkitan kuman juga

senang berlaku. Kerosakan urat saraf (*nerve*), pendarahan disebabkan oleh kecederaan pada pembuluh darah, penyakit gusi, kecederaan pada gigi adalah antara komplikasi yang boleh berlaku dari bertindik bibir atau lidah. Ianya juga boleh menyebabkan kesukaran untuk bercakap, mengunyah dan menelan. Sipengguna juga berisiko untuk tertelan anting-anting tersebut dan jika ini berlaku, anting-anting tersebut boleh tersangkut dan menyebabkan luka di dalam leher.

2.7.1 Apakah hukum memasang berlian pada gigi?

Hukum memasang berlian pada gigi semata-mata untuk menghias gigi agar kelihatan lebih cantik adalah haram kerana terdapat unsur mengubah ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tanpa sebarang keperluan menurut syara' di samping menyumbang kepada pembaziran dan mendedahkan kepada kemudharatan.

2.7.2 Apakah hukum memasang anting-anting pada lidah atau bibir?

Memakai anting-anting pada bibir dan lidah adalah perbuatan sia-sia dan bertentangan dengan etika berhias dalam Islam, malah ia juga boleh memudaratkan.

2.8 Permasalahan berkaitan dengan bahan-bahan dan perkakas-perkakas rawatan

Terdapat beberapa bahan rawatan pergigian yang berasal daripada binatang seperti *catgut suture* (berasal dari usus kambing atau lembu) untuk jahitan, *haemostatic collagen* (berasal dari kolagen lembu) untuk memberhentikan pendarahan contohnya selepas bercabut gigi.

Terdapat juga bahan-bahan rawatan yang mengandungi unsur khinzir. Sebagai contoh bahan yang digunakan untuk rawatan pembedahan gusi (*Periodontal Regenerative Surgery*) dan *gelform* iaitu sejenis bahan untuk menghentikan pendarahan mengandungi unsur khinzir.

2.8.1 *Apakah hukum menggunakan bahan rawatan pergigian yang berasal daripada binatang pada pesakit beragama Islam?*

Haram menggunakan bahan rawatan pergigian yang berasal daripada binatang seperti *catgut suture* (berasal dari usus kambing atau lembu) untuk jahitan, *haemostatic collagen* (berasal dari kolagen lembu) melainkan ia disembelih menurut hukum syara'.

2.8.2 *Apakah hukum menggunakan bahan-bahan rawatan yang mengandungi unsur khinzir?*

Haram menggunakan bahan-bahan rawatan yang mengandungi unsur khinzir. Walaubagaimanapun, jika tidak terdapat bahan untuk menghentikan pendarahan selain daripada bahan yang mengandungi unsur khinzir maka harus berubat dengannya.






**BAB
3**

**PENJAGAAN DAN
RAWATAN MULUT KETIKA
BERPUASA**





**Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu dari
Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam:
"Sesungguhnya bau mulut orang yang
berpuasa itu lebih harum di sisi Allah Subhanahu
wa Ta’ala berbanding bau kasturi."
(Hadits riwayat Muslim)**

BAB III

PENJAGAAN DAN RAWATAN MULUT KETIKA BERPUASA


3.1 Pendahuluan

Puasa dari segi bahasa bermaksud menahan daripada sesuatu manakala dari segi istilah syara' ianya bermaksud menahan diri daripada nafsu syahwat dan nafsu perut dan dari perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula daripada fajar (masuk waktu subuh) sehingga terbenam matahari beserta dengan niat untuk berpuasa.

Antara perkara-perkara yang membatalkan puasa itu ialah memasukkan sesuatu dengan sengaja ke dalam rongga melalui lubang yang terbuka (*manfads maftuh*). Rongga itu sama ada ia mempunyai kuasa memproses makanan dan ubat ataupun tidak seperti rongga otak, kerongkong, rongga hidung, batin telinga, perut, dubur, faraj, pundi-pundi kencing, lubang zakar dan lubang tempat keluar air susu (*halamah*).

Dalam konteks penjagaan dan rawatan mulut, rongga mulut menjadi tumpuan. Rongga mulut itu terbahagi kepada had zahir dan had batin. Had zahir mulut itu ialah tempat keluar (makhraj) sebutan huruf 'ح' (ha muhmalah) hingga ke atas mulut termasuk makhraj huruf 'خ' (ha mu'jamah). Manakala had batin mulut itu ialah tempat keluar (makhraj) sebutan huruf 'ء' (hamzah) atau 'و' (ha marbuthah) hingga ke bawah (kerongkong).

Perkara yang dikatakan membatalkan puasa itu ialah apabila sampai sesuatu yang dimasukkan ke dalam mulut sehingga ke had batin iaitu ialah tempat keluar (makhraj) sebutan huruf 'ء' (hamzah) atau 'و' (ha marbuthah) hingga ke bawah (kerongkong).



Hukum menjaga rongga-rongga anggota badan yang dikategorikan sebagai rongga terbuka daripada dimasuki oleh benda-benda yang membatalkan puasa adalah wajib. Oleh kerana itu, mendedahkan rongga-rongga tersebut kepada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa adalah makruh dan perlu dielakkan.

Penjagaan dan rawatan pergigian sememangnya melibatkan mulut dan kawasan sekitarnya. Sebahagian rawatan memerlukan penggunaan peralatan yang mengeluarkan air dan ada sebahagiannya lagi yang boleh mengakibatkan pendarahan. Oleh itu, pemeriksaan dan rawatan pergigian semasa berpuasa boleh menimbulkan persoalan sama ada ianya boleh membatalkan puasa atau tidak.

Bab III ini mengandungi permasalahan secara terperinci mengenai penjagaan dan rawatan mulut ketika berpuasa.

3.2 Permasalahan berkaitan dengan penjagaan mulut ketika berpuasa

3.2.1 Apakah hukum puasa seseorang yang:

a. bersiwak?

Bagi orang yang berpuasa sama ada puasa fardhu (Ramadhan) atau puasa sunat adalah makruh bersiwak selepas gelincir matahari, iaitu selepas masuk waktu Zuhur. Dari Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu dari Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

"Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa itu lebih harum di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala berbanding bau kasturi."

(Hadits riwayat Muslim)

b. menggunakan tali atau benang flos?

Tali atau benang flos digunakan untuk menghilangkan plak dan sisa-sisa makanan di celah-celah gigi.



Jika penjagaan gigi itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

c. berkumur-kumur dengan obat kumur-kumur?



Jika penjagaan gigi itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal. Akan tetapi, jika tertelan air liur yang bercampur dengan obat kumur-kumur, maka puasa seseorang itu menjadi batal.

3.2.2 Bilakah waktu yang dibolehkan untuk bersiwak sewaktu berpuasa?

Waktu yang dibolehkan untuk bersiwak sewaktu berpuasa ialah sebelum tergelincir matahari dan ianya menjadi makruh selepas tergelincirnya matahari.

3.2.3 Apakah hukum puasa seseorang jika gusinya berdarah semasa memberus gigi dan seterusnya tertelan darah tersebut?

Menelan air liur yang bersih dan tidak bercampur dengan najis atau benda asing tidak membatalkan puasa. Jika air liur itu bercampur dengan najis seperti darah atau benda asing yang suci, maka puasa seseorang itu menjadi batal. Sebagai contoh, dengan sengaja menelan air liur yang bercampur dengan benda asing di dalam mulut yang belum dibersihkan,

maka puasa seseorang itu menjadi batal. Jika sekiranya air liur yang bercampur dengan benda asing itu masuk ke had batin mulut tanpa disengajakan dan sukar untuk diasingkan serta diludahkan kerana ia bukan dikira sebagai kecuiaan, maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3.2.4 *Apakah hukum puasa seseorang yang mempunyai masalah gusi yang mana adakalanya berdarah dengan sendirinya dan seterusnya tertelan darah tersebut?*

Menelan air liur yang bersih dan tidak bercampur dengan najis atau benda asing tidak membatalkan puasa. Jika air liur itu bercampur dengan najis seperti darah atau benda asing yang suci, maka puasa seseorang itu menjadi batal. Sebagai contoh, dengan sengaja menelan air liur yang bercampur dengan benda asing di dalam mulut yang belum dibersihkan, maka puasa seseorang itu menjadi batal. Jika sekiranya air liur yang bercampur dengan benda asing itu masuk ke had batin mulut tanpa disengajakan dan sukar untuk diasingkan serta diludahkan kerana ia bukan dikira sebagai kecuiaan, maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3.3 Permasalahan berkaitan dengan rawatan pergigian secara umum

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.3.1 pemeriksaan gigi?

Jika rawatan dan pemeriksaan gigi itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

3.3.2 pemeriksaan gigi tambahan seperti khidmat Radiografi atau CT Scan?

Jika rawatan dan pemeriksaan gigi tambahan seperti khidmat Radiografi atau CT Scan itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

3.3.3 menjalani pemeriksaan gigi tambahan seperti ujian kevitatan (*vitality test*)?

Ujian kevitatan (*vitality test*, seperti dalam gambar) adalah diperlukan untuk mengetahui keadaan saraf atau urat (yang dinamakan pulpa) di dalam gigi tersebut. Ianya tidak melibatkan penggunaan air atau menyebabkan pendarahan. Akan tetapi, benda asing (seperti *Paste*, *Endo Frost*) adalah diperlukan untuk melakukan *vitality test* ini.



Jika rawatan ujian kevitatan gigi itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

3.3.4 *suntikan bius setempat (local anaesthetic) pada gusi?*

Tidak batal puasanya. Ini adalah kerana suntikan itu tidak melalui dan tidak sampai kepada rongga yang terbuka walaupun terasa kesan suntikan pada kerongkong disebabkan ia menyerap masuk melalui liang pori atau isi gusi.

3.3.5 *sapuan krim kebas (topical anaesthetic) sebelum suntikan bius setempat (local anaesthetic)?*

Krim kebas (adakalanya berperisa) diperlukan sebelum suntikan bius setempat untuk mengurangkan kesakitan jarum suntikan.

Jika rawatan sapuan krim kebas hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

Akan tetapi jika sengaja menelan air liur yang bercampur dengan krim kebas maka batal puasa seseorang itu dan sebaliknya jika tanpa disengajakan maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3.4 Permasalahan berkaitan dengan rawatan tampalan gigi

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.4.1 menampal gigi yang berlubang menggunakan peralatan yang mengeluarkan banyak air?

Gigi yang berlubang hendaklah dirawat dengan segera bagi menghalang proses kerosakan gigi dari terus merebak sehingga menyebabkan kesakitan atau jangkitan yang lebih teruk. Gigi yang berlubang hendaklah dibersihkan terlebih dahulu, bagi memastikan tiada sisa-sisa kerosakan gigi sebelum gigi tersebut ditampal. Rawatan ini adakalanya memerlukan penggunaan air.

Jika air yang dimasukkan ke dalam had zahir mulut itu dikeluarkan atau disedut dengan sesuatu seperti *suction* (penyedut cecair iaitu alat untuk memindahkan cecair melalui satu tiub untuk dibuang), maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

Akan tetapi jika air yang dimasukkan ke dalam mulut itu ditelan dengan sengaja sehingga masuk ke had batin mulut, maka puasa seseorang itu menjadi batal.

3.4.2 tertelan sisa-sisa tampalan sewaktu rawatan dilakukan?

Bahan-bahan yang digunakan untuk tampalan gigi berlubang ada berbagai jenis. Ada yang diperbuat dari campuran logam (campuran merkuri, perak, timah, tembaga dan logam lain) ataupun simen yang berwarna seperti gigi asal. Semasa rawatan tampalan gigi dilakukan, ada kemungkinan seseorang itu tertelan sisa-sisa tampalan.

Jika sisa-sisa tampalan yang dimasukkan ke dalam had zahir mulut itu dikeluarkan atau disedut dengan sesuatu seperti

suction (penyedut cecair iaitu alat untuk memindahkan cecair melalui satu tiub untuk dibuang), maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

Akan tetapi jika sisa-sisa tampalan yang dimasukkan ke dalam mulut itu ditelan dengan sengaja sehingga masuk ke had batin mulut, maka puasa seseorang itu menjadi batal.

3.4.3 jika menggunakan empangan getah (*rubber dam*) ketika menjalani rawatan tampalan gigi?

Empangan getah (*rubber dam*, seperti dalam gambar) ialah helaian yang diperbuat dari getah yang dipasang pada gigi dan ruang mulut untuk mengasingkan gigi yang dirawat dari bahagian mulut yang lain. *Rubber dam* selalunya digunakan apabila rawatan tampalan menggunakan bahan yang sensitif kepada air seperti tampalan simen yang berwarna seperti gigi asal. Ianya juga berfungsi supaya air dari alat pergigian seperti *handpiece* ataupun cecair ubat yang digunakan tidak termasuk ke dalam mulut.



Pemasangan *rubber dam* ini hanya melibatkan had zahir, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

3.5 Permasalahan berkaitan dengan rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.5.1 implan (gigi bertanam atau gigi berskru)?

Implan gigi (gigi bertanam atau gigi berskru) ialah sejenis gantian gigi yang diperbuat daripada logam titanium. Prosedur pemasangan implan memerlukan pembedahan kecil (*minor*). Ianya memerlukan suntikan bius setempat (*local anaesthetic*) pada gusi, mengerat sedikit gusi, dan menanam implan gigi tersebut. Gusi akan dijahit ke tempat asal dan pendarahan dikawal. Seperti biasanya, rawatan pembedahan gigi *minor* ini melibatkan penggunaan air dan akan menyebabkan pendarahan.

Menjalani rawatan implan (gigi bertanam atau gigi berskru) tidak membatalkan puasa akan tetapi jika air yang dimasukkan ke dalam mulut sama ada bercampur darah atau tidak itu ditelan dengan sengaja, maka puasa seseorang itu menjadi batal. Akan tetapi jika tidak menelannya maka tidak batal puasanya.

3.5.2 implan, korona dan jambatan gigi yang memerlukan gigi tersebut diperkecilkan menggunakan peralatan yang mengeluarkan air?

Korona gigi ialah sejenis gigi buatan yang diperbuat daripada bahan seperti porselin atau seramik yang menyerupai warna gigi asal. Ianya dipasang atau dilekatkan pada gigi asal dengan menggunakan simen. Tujuan pemasangan korona gigi ini adalah untuk menguatkan gigi tersebut terutamanya jika gigi sudah tidak mempunyai struktur yang kuat atau gigi yang telah menjalani rawatan akar. Prosedur memasang korona gigi memerlukan gigi asal dikecilkan bagi membolehkan gigi tersebut disarung dengan gigi gantian iaitu korona gigi.

Jambatan gigi ialah sejenis gigi buatan seperti korona gigi tetapi ianya dipasang pada lebih dari sebilah gigi (2-3 bilah) bagi tujuan menggantikan gigi yang telah dicabut atau sememangnya tiada. Jambatan gigi dipasang atau dilekatkan pada gigi dengan simen. Prosedur memasang jambatan gigi memerlukan gigi di sebelah kanan dan kiri ruang kosong tersebut dicecilkan bagi membolehkan gigi tersebut disarung dengan jambatan gigi.

Proses pengecilan gigi asal ini melibatkan penggunaan peralatan pergigian yang mengeluarkan banyak air yang mana ada kemungkinan seseorang itu tertelan air sewaktu rawatan dilakukan.

Menjalani rawatan implan, korona dan jambatan gigi tidak membatalkan puasa akan tetapi jika air yang dimasukkan ke dalam mulut sama ada bercampur darah atau tidak itu ditelan dengan sengaja, maka puasa seseorang itu menjadi batal. Akan tetapi jika tidak menelannya maka tidak batal puasanya.

3.5.3 mengambil acuan atau calak gigi semasa menjalani rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi?

Proses rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi memerlukan acuan atau calak gigi diambil untuk memudahkan juruteknik pergigian membuat gigi gantian di makmal pergigian. Pengambilan calak memerlukan bahan yang asalnya separa cair dimasukkan ke dalam mulut menggunakan alat mengambil calak. Setelah bahan ini mengeras, ianya akan dikeluarkan dari mulut pesakit. Prosedur ini boleh menyebabkan segelintir pesakit menjadi mual dan muntah.

Mengambil acuan atau calak gigi semasa menjalani rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi tidak membatalkan puasa akan tetapi jika cecair yang dimasukkan ke dalam mulut ditelan dengan sengaja, maka puasa

seseorang itu menjadi batal. Jika tidak menelannya maka tidak batal puasanya.

Akan tetapi jika pesakit termuntah akibat daripadanya maka tidak batal puasanya kerana muntah yang tidak disengajakan.

3.6 Permasalahan berkaitan dengan rawatan ortodontik (pendakap gigi atau *braces*)

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.6.1 mengambil calak gigi?

a. tidak muntah

Jika rawatan mengambil calak gigi tidak menyebabkan ia muntah maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

b. mengakibatkan muntah

Pada dasarnya rawatan mengambil calak gigi tidak menyebabkan muntah tetapi jika pesakit itu termuntah maka tidak batal puasanya kerana muntah yang tidak disengajakan.

3.6.2 pemasangan getah separators?

Getah *separators* (seperti dalam gambar) diletakkan di perantaraan gigi gerham di belakang bagi memberi ruang untuk menyimpan *band* besi yang diperlukan bagi rawatan pendakap gigi nanti. Rawatan ini tidak melibatkan penggunaan air.



Rawatan pemasangan getah separators tidak membatalkan puasa.

3.6.3 pemasangan band besi di gigi rahang menggunakan bahan pelekat yang ada kemungkinan boleh tertelan?

Band besi itu dilekatkan kepada gigi gerham dengan menggunakan bahan pelekat. *Band* ini diperlukan sebagai *anchorage* pendakap gigi (*braces*) yang akan dipasang seterusnya. Rawatan ini tidak melibatkan penggunaan air.

Pemasangan *band* besi di gigi rahang menggunakan bahan pelekat tidak membatalkan puasa sekalipun dia tertelan dengan syarat tidak disengajakan.



3.6.4 pemasangan pendakap gigi (braces) yang ada menggunakan bahan pelekat dan air untuk melekatkan pendakap gigi tersebut?

Braces seterusnya akan dilekatkan ke permukaan gigi dengan menggunakan bahan pelekat. Rawatan ini tidak melibatkan penggunaan air.



Pemasangan pendakap gigi (*braces*) tidak membatalkan puasa.

3.6.5 menukar wayar atau getah pendakap gigi?

Getah pendakap gigi dipasang untuk mengekalkan wayar pada pendakap gigi. Rawatan ini tidak melibatkan penggunaan air.



Menukar wayar atau getah pendakap gigi tidak membatalkan puasa.

3.6.6 *pembukaan pendakap gigi?*

Setelah rawatan ortodontik selesai, pendakap gigi akan dibuka dan seterusnya sisa-sisa pelekat yang melekat pada gigi akan dibersihkan. Rawatan ini adakalanya melibatkan penggunaan air.



Membuka pendakap gigi tidak membatalkan puasa selagi mana dia tidak menelan sisa-sisa yang melekat pada gigi dengan sengaja.

3.6.7 *pemasangan, pengubahsuaian 'retainer' pada rawatan ortodontik? Penggunaan retainer semasa berpuasa?*

Gigi yang disusun semula melalui rawatan ortodontik akan mula berubah kembali ke susunan asal setelah pendakap gigi (*braces*) dibuka. Ini adalah proses semulajadi dan penggunaan *retainer* (seperti dalam gambar) yang berpanjangan akan memperlambatkan proses ini. Pemasangan dan pengubahsuaian akan dilakukan untuk memastikan ianya selesa dipakai. Rawatan ini tidak melibatkan air.



Pemasangan, pengubahsuaian *retainer* pada rawatan ortodontik dan penggunaan *retainer* tidak membatalkan puasa.

3.7 Permasalahan berkaitan dengan rawatan periodontik (rawatan gusi)

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.7.1 pemeriksaan gigi yang adakalanya mengakibatkan pendarahan gusi?

Pemeriksaan gigi periodontik memerlukan kesemua gusi gigi disukat dengan menggunakan garisan kecil (seperti dalam gambar). Adakalanya ia akan menyebabkan pendarahan terutama sekali jika pesakit itu mengalami penyakit gusi kronik yang aktif.

Menjalani pemeriksaan gigi yang mengakibatkan



pendarahan gusi semasa berpuasa tidak membatalkan puasa dengan syarat dia tidak menelan pendarahan tersebut dengan sengaja.

3.7.2 belajar teknik menghalusi pemberusan gigi sama ada menggunakan cecair pewarna pada gigi atau tidak?

Adakalanya para doktor atau jururawat pergigian akan menyapukan cecair pewarna kepada keseluruhan gigi (seperti dalam gambar). Pewarna tersebut akan menampakkan permukaan yang mempunyai plak gigi dan perlu dibersihkan.



Menggunakan cecair pewarna pada gigi bagi belajar teknik menghalusi pemberusan gigi semasa berpuasa tidak membatalkan puasa dengan syarat dia tidak menelan cecair pewarna tersebut dengan sengaja.

3.7.3 pembersihan karang gigi (*calculus*) iaitu penskaleran (*scaling*) yang banyak mengeluarkan air?

Menjalani pembersihan karang gigi (*calculus*) iaitu penskaleran (*scaling*) tidak membatalkan puasa dengan syarat dia tidak menelan air tersebut dengan sengaja.

3.7.4 suntikan bius setempat (*local anaesthetic*) pada gusi sebelum rawatan?

Tidak batal puasanya. Ini adalah kerana suntikan itu tidak melalui dan tidak sampai kepada rongga yang terbuka walaupun terasa kesan suntikan pada kerongkong disebabkan ia menyerap masuk melalui liang pori atau isi gusi.

3.7.5 sapuan krim kebas (topical anaesthetic) sebelum suntikan bius setempat (local anaesthetic)?

Jika rawatan sapuan krim kebas hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

Akan tetapi jika sengaja menelan air liur yang bercampur dengan krim kebas maka batal puasa seseorang itu dan sebaliknya jika tanpa disengajakan maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3.7.6 pembedahan gusi yang menggunakan air dan mengeluarkan darah?

Menjalani pembedahan gusi yang menggunakan air dan mengeluarkan darah semasa berpuasa tidak membatalkan puasa dengan syarat dia tidak menelan air dan darah tersebut dengan sengaja.

Jika rawatan itu menurut doktor boleh memudaratkan orang yang berpuasa dan memerlukan pengambilan ubat penahan sakit, maka dia dikategorikan sebagai orang yang sakit dan seseorang itu harus berbuka puasa, akan tetapi wajib mengqadha puasanya pada hari lain. Jika orang yang berpuasa itu dapat menahan kesakitannya atau kesakitan yang ringan dan tidak membawa kepada kesusahan, maka dalam hal ini tidak harus baginya berbuka puasa.

3.7.7 memasang jahitan pada gusi selepas pembedahan gusi?

Secara kebiasaanya memasang jahitan dilakukan selepas pembedahan gusi. Memasang jahitan pada gusi selepas pembedahan gusi tidak membatalkan puasa.

3.8 Permasalahan berkaitan dengan rawatan saluran akar gigi (*root canal treatment*)

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.8.1 saluran akar gigi?

Suntikan bius setempat (*local anaesthetic*) pada gusi adalah diperlukan sebelum memulakan rawatan saluran akar gigi, tidak kira peringkat rawatan. Ianya bertujuan supaya pesakit terasa selesa dan tidak terasa sakit semasa rawatan.

Seterusnya, *rubber dam* (seperti gambar di bawah) akan dipasang supaya air dari *handpiece* ataupun cecair ubat yang digunakan tidak termasuk ke dalam mulut, dan juga mengelakkan dari kuman di dalam mulut memasuki ruang saluran akar gigi.



Tujuan rawatan akar adalah untuk mengeluarkan segala jangkitan dari saluran akar gigi. Akarnya dibersihkan dan ditampal untuk mengelakkan jangkitan kembali lagi di masa akan datang.

Rawatan saluran akar gigi hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal. Akan tetapi jika sengaja menelan air liur yang bercampur dengan benda asing maka batal puasa seseorang itu dan sebaliknya jika tanpa disengajakan maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3.8.2 *pelunturan tak vital (Non-vital bleaching)?*

Pelunturan tak vital (*Non-vital Bleaching*, seperti gambar di bawah) dilakukan pada gigi yang sudah menjalani rawatan saluran akar gigi. Ianya bertujuan untuk memperbaiki warna gigi yang kadangkala menjadi gelap apabila saraf dan urat rosak akibat dijangkiti kuman. Ianya melibatkan penggunaan cecair ubat yang dimasukkan ke dalam ruang saluran akar gigi dan ruang salur ditutup dengan tampalan sementara. Rawatan ini akan diulang sehingga warna gigi kembali ke warna asal, ataupun warna gigi tidak lagi berubah.



Sebelum



Selepas


Jika rawatan pelunturan hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal.

Akan tetapi jika sengaja menelan air liur yang bercampur dengan cecair ubat maka batal puasa seseorang itu dan sebaliknya jika tanpa disengajakan maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3.8.3 *pembedahan hujung akar (root-end surgery)?*

Rawatan pembedahan hujung akar gigi (*root-end surgery*) diperlukan jika ruang saluran akar gigi masih terdapat jangkitan setelah menjalani sekurang-kurangnya dua(2) kali rawatan saluran akar gigi. Ianya memerlukan suntikan bius setempat (*local anaesthetic*) pada gusi, mengerat sedikit gusi, membuang hujung akar dan tampalan hujung akar supaya jangkitan tidak akan kembali pada masa akan datang. Gusi

akan dijahit ke tempat asal dan pendarahan dikawal. Seperti biasanya, rawatan pembedahan gigi *minor* ini menggunakan air dan akan menyebabkan pendarahan.




Rawatan pembedahan hujung akar gigi (*root-end surgery*) tidak membatalkan puasa dengan syarat tidak menelan apa-apa cecair atau benda-benda yang bercampur dengan air liur.

3.9 Permasalahan berkaitan dengan rawatan pembedahan mulut (*oral surgery*)

Apakah hukum puasa seseorang yang menjalani rawatan:

3.9.1 *pembedahan mulut bius setempat?*

Pembedahan mulut (seperti gambar di bawah) dilakukan untuk mengeluarkan gigi, (sisa gigi, ataupun *lesion*) yang terbenam di dalam rahang. Ianya memerlukan suntikan bius setempat (*local anaesthetic*) pada gusi, mengerat sedikit gusi, membuang sedikit tulang rahang jika diperlukan dan



seterusnya mengeluarkan gigi (sisa gigi ataupun *lesion*) yang terbenam di dalam rahang. Seterusnya, gusi akan dihajit ke tempat asal dan pendarahan akan dikawal. Seperti biasanya, rawatan pembedahan gigi *minor* ini menggunakan air dan akan menyebabkan pendarahan.

Menjalani rawatan pembedahan pergigian bius setempat tidak membatalkan puasa kerana suntikan itu tidak melalui rongga yang terbuka walaupun terasa kesan suntikan pada kerongkong disebabkan ia menyerap masuk melalui liang pori atau isi gusi.

3.9.2 ubat pemberhenti pendarahan?

Jika pendarahan berlebihan daripada biasa akan dijangka, ubat pemberhenti darah (*haemostatic agent*) akan disimpan di ruang soket gigi.

Menyimpan ubat pemberhenti pendarahan (*haemostatic agent*) ke ruang soket gigi semasa rawatan tidak membatalkan puasa dengan syarat tidak menelan apa-apa cecair atau benda-benda yang bercampur dengan air liur.

3.9.3 makan ubat penahan sakit?

Harus berbuka puasa jika memerlukan pengambilan ubat penahan sakit semasa berpuasa tetapi wajib mengqadha puasanya pada hari yang lain.

3.9.4 pembedahan mulut bius umum (*general anaesthesia*)?

Pembedahan mulut juga dapat dilakukan di bawah bius umum (*general anaesthesia*), yang mana pesakit akan diberi gas atau cecair bius menggunakan tiub melalui hidung atau mulut, melimpasi had zahir rongga mulut. Rawatan pembedahan adalah sama seperti pembedahan di bawah

suntikan bius setempat (*local anaesthetic*), melainkan pesakit akan tidak sedar sepanjang pembedahan tersebut.


Proses bius umum (*general anaesthesia*) yang dijalankan adalah membatalkan puasa kerana ubat-ubat yang digunakan akan sampai ke rongga yang membatalkan puasa.

3.9.5 suntikan BOTOX pada otot muka?

Suntikan BOTOX pada otot muka kadangkala diperlukan bagi merawat Penyakit *Temporo-mandibular joint (TMJ)* dan meredakan ketegangan dan kesakitan rahang.

Suntikan BOTOX pada otot muka tidak membatalkan puasa dengan syarat cecair BOTOX itu tidak sampai ke mana-mana rongga yang membatalkan puasa seperti rongga otak.



A decorative Islamic geometric pattern, resembling a stylized floral or star motif, is centered on the page. It features intricate, symmetrical scrollwork and floral designs in black outlines against a white background. The pattern is set against a background of light gray, curved, radiating lines that create a sense of depth and movement.

**GLOSARI,
SUMBER RUJUKAN,
PENGHARGAAN,
AHLI JAWATANKUASA
PENERBIT**

GLOSARI

<i>Abnormal frenum attachment</i>	Perlekatan frenum tidak normal
<i>BOTOX</i>	Sejenis bahan yang meregangkan otot, yang disuntikkan ke dalam kulit untuk menghilangkan kedut
<i>Braces</i>	Pendakap atau pengikat gigi bagi tujuan meratakan kedudukan gigi
<i>Bridge</i>	Prostesis yang digunakan bagi menggantikan satu atau lebih gigi yang hilang. Gigi tumpang atau implan diperlukan untuk memegang jambatan tersebut. Gigi yang hilang diganti dengan gigi tiruan (pontik)
<i>Calculus</i>	Karang gigi
<i>Catgut suture</i>	Jahitan 'catgut' yang berasal dari usus binatang seperti lembu dan kambing
<i>Crown</i>	Sarung gigi yang diperbuat dari porselin, logam seperti emas atau gabungan keduanya. Ianya disimen pada gigi yang telah dikesilkan
<i>Fake braces</i>	Pendakap atau pengikat gigi palsu
<i>General anaesthesia</i>	Bius umum
<i>Haemostatic agent</i>	Ejen pemberhenti darah
<i>Haemostatic collagen</i>	Kolagen pemberhenti darah

Implant

Skrus titanium yang ditanam pada rahang gigi dan berfungsi untuk menggantikan bahagian akar gigi

Index of Orthodontic Treatment Need (IOTN)

Indeks Keperluan Rawatan Ortodontik

Local anaesthetic injection

Suntikan bius setempat

Midline diastema

Gigi hadapan yang jarang di tengah

Non-vital bleaching

Pelunturan tak vital

Oral surgery

Pembedahan mulut

Pin-retained restoration

Restorasi retensi pin

Removable orthodontic appliances Alat ortodontik boleh tanggal

Root canal treatment

Rawatan saluran akar gigi

Root-end surgery

Pembedahan hujung akar

Rubber dam

Empangan getah

Scaling

Penskaleran

Space maintainer

Penyelenggara ruang

Suction

Penyedut cecair

Temporo-mandibular joint (TMJ) Sendi temporomandibular yang menghubungkan rahang bawah dengan tulang tengkorak, tepat di bawah setiap telinga

Topical anaesthetic

Sapuan krim kebas

Vital bleaching

Pelunturan vital

Vitality test

Ujian kevitatan

SUMBER RUJUKAN

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 3/1982 dan 6/1982

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 10/1984

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 11/1988

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam: Rawatan & Kesihatan 2002

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 44/2004

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 39/2007

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 08/2008

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 7/2009

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, siri 13/2013

Irsyad Hukum 1996, Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2001

Panduan Muslimah Bab Thaharah 2010, Pusat Da'wah Islamiah

Salma Almahdi (2003), "Muslim Scholar Contribution in Restorative Dentistry", Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine 2, pp. 56-57

Zain At-Talib (Perhiasan Penuntut) – Penggal Kedua, Bab Zakat & Puasa

SUMBER FOTO

Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Mulut Asasi

Unit Bedah Mulut

Unit Endodontik

Unit Ortodontik

Unit Pedodontik

Unit Periodontik

Unit Prostodontik

Unit Restoratif

PENGHARGAAN

Jabatan Mufti Kerajaan

Jabatan Perdana Menteri

Darulifta' Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam

AHLI JAWATANKUASA PENERBIT

Dr. Haji Amirul Rizan bin Haji Mohamed

Dr. Hajah Samsiah binti Haji Mohd Said

Dr. Hajah Wardati Sahimin binti Haji Yakob

Dr. Farha @ Hanina binti Maidi

Dr. Haji Majidi bin Haji Bakar

Dr. Hajah Nurul Sa'idah binti Haji Ishak

Dr. Hajah Hamizah binti Haji Hamdani

Ampuan Dr Siti Nur Hanisah binti Ampuan Dr Haji Brahim

Syahamsudin bin Haji Ali

*Dicetak oleh
Jabatan Percetakan Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.*